NIOSH CERTIFICATION SDN BHD (641222-K)
(A wholly owned subsidiary of NIOSH, Ministry of Human Resources)
7th Floor, NIOSH Tower
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
43650 Bandar BaruBangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 - 8922 1925
Faks : 03 - 8926 7682
www.nioshcert.com.my

Ruj. : **NCSB/MSC/228/LEMBING-PLANTATION/19/STKC**
Date : **29 April 2019**
U.P **: Semua pihak yang berkepentingan**

Tuan / Puan,

UNDANGAN MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP PENSIJILAN MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) KEPADA LEMBING PLANTATION SDN BHD

NIOSH Certification merupakan badan pensijilan yang menjalankan aktiviti audit bagi pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Standard MS 2530-3:2013 dan MS 2530-4:2013 terhadap **Lembing Plantation Sdn Bhd** Kuantan, Pahang yang terdiri daripada ladang dan kilang kelapa sawit seperti alamat berikut:

1 **Individual Estate:**
Batu 19, Jalan Sungai Lembing,
26200 Kuantan, Pahang
Seriajaya Palm Oil Mill

2. **Individual Mill:**
Batu 19, Jalan Sungai Lembing,
26200 Kuantan, Pahang

Pensijilan MSPO merupakan satu pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan yang memberi faedah terhadap industri iminyak sawit di Malaysia. Elemen yang ditekankan meliputi aspek – aspek berikut:

a. Pematuhan perundangan
b. Perlindungan alam sekitar
c. Pemuliharaan biodiversiti
d. Tanggungjawab dan komitmen pihak pengurusan
e. Tanggungjawab sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan
f. Pembangunan komuniti setempat

Bagimemenuhi proses pensijilan, audit pematuhan akan dilaksanakan ke atas Lembing Plantation Sdn Bhd pada **8 dan 9 Mei 2019**. Oleh itu, NIOSH Certification menjemput semua pihak berkepentingan terhadap Lembing Plantation Sdn Bhd yang terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja - pekerja, pemimpin masyarakat dan masyarakat setempat untuk memberi sebarang maklumbalas atau komen bertulis terhadap aktiviti Lembing Plantation Sdn Bhd berdasarkan aspek di atas.

Maklumbalas dan komen daripada pihak tuan/puan boleh disalurkan pada sesi audit pematuhan yang dijadualkan pada 8 dan 9 Mei 2019 atau melalui surat / emel ke *khairul.faris@nioshcert.com.my* dan faks di talian 03 – 8926 7682. Semua maklumbalas dan komen yang diterima akan dipertimbangkan dan dibincangkan bersama pihak Lembing Plantation Sdn Bhd semasa sesi audit agar memberi impak positif terhadap pensijilan MSPO organisasi tersebut. Untuk makluman, segala butiran yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ASIAH NASUTION SUHAIMI
PengurusPensijilan